

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [BAKRI] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan terkini rundingan perjanjian konsesi dengan Pakar Scieno TW untuk Environmental Quality Monitoring Program (EQMP). Adakah tambahan nilai diperolehi daripada perkhidmatan sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air ingin memaklumkan bahawa Perjanjian Konsesi dengan Pakar Scieno TW **telah disemak** oleh Jabatan Peguam Negara dan juga satu Jawatankuasa Khas Majlis Kualiti Alam Sekeliling pada tahun 2019 semasa YB menjadi Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan laporan mendapati perjanjian konsesi ini adalah teratur.
2. Mengambil kira isu pengurusan alam sekitar adalah dinamik serta perkembangan dan keperluan semasa, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) **sedang mengkaji rasionalisasi** Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (*Environmental Quality Monitoring Program - EQMP*) bagi memberikan **nilai tambah kepada program ini tanpa penambahan kos kepada Kerajaan**. Sekian, terima kasih.